



11 Jun 2013
11 June 2013
P.U. (A) 176

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2013

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU
(PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2013**.

(2) Kecuali peraturan 15, 16, 16A dan 21A, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2013.

(3) Peraturan 15, 16, 16A dan 21A mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U. (A) 324/2004], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2, dalam takrif “karton”, dengan menggantikan perkataan “dua atau lebih” dengan perkataan “sepuluh”.

Peraturan baru 5A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 5 peraturan yang berikut:

“Larangan penjualan hasil tembakau melalui promosi

5A. (1) Tiada seorang pun boleh—

(a) mempromosikan penjualan apa-apa hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung; atau

(b) menggunakan mana-mana orang sama ada melalui apa-apa kontrak, perjanjian, persefahaman atau persetujuan, sama ada terikat di sisi undang-undang atau selainnya, mempromosikan jualan apa-apa hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 8

4. Subperaturan 8(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tahun” perkataan “atau kedua-duanya”.

Pindaan peraturan 8A

5. Peraturan 8A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pengilang atau pengimport itu hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah pada tiap-tiap kali berlakunya suatu perubahan kepada harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau yang disebut dalam subperaturan (1) disebabkan oleh apa-apa kenaikan harga jualan runcit suatu hasil tembakau itu.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (5).

Pindaan peraturan 8C

6. Peraturan 8C Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Harga minimum rokok bagi setiap paket rokok dua puluh batang adalah RM 7.00.”.

Pindaan peraturan 8D

7. Subperaturan 8D(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “bagi paket rokok itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan” dengan perkataan “sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 8C(1)”.

Pindaan peraturan 9

8. Subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “sekurang-kurangnya”; dan
- (b) dengan memasukkan perkataan “hanya” sebelum perkataan “dua puluh”.

Pindaan peraturan 11

9. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), (h) dan (q), dengan menggantikan perkataan “di dalam mana-mana” dengan perkataan “dalam mana-mana kawasan”;
- (b) dalam perenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan “atau persendirian” perkataan “atau di mana-mana tempat awam”;
- (c) dalam perenggan (j), (k), (o), (p), (r), (s) dan (t) dengan memotong perkataan “di dalam suatu”;
- (d) dalam perenggan (n), dengan memotong perkataan “dalam” di mana-mana juga terdapat di dalam perenggan itu; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (1), subperaturan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subperaturan (1)—

- (a) mana-mana kawasan sesuatu premis adalah merujuk kepada keseluruhan kawasan premis itu, termasuk mana-mana kawasan di dalam bangunan dan kawasan sekitar bangunan itu yang berada di dalam lingkungan sempadan pagar atau tanah lot premis itu;
- (b) mana-mana kawasan dalam suatu bangunan adalah merujuk kepada mana-mana kawasan di dalam bangunan itu dan termasuklah kawasan kaki lima bangunan di dalam sempadan kawasan litupan bumbung kekal kawasan bangunan itu, dan juga termasuklah kawasan yang dilitupi oleh apa-apa bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan utama itu; dan
- (c) mulai 1 Januari 2014, mana-mana kawasan dalam suatu bangunan adalah merujuk kepada mana-mana kawasan di dalam bangunan itu dan termasuklah kawasan kaki lima dan di dalam lingkungan jarak tiga meter daripada garisan bangunan itu, dan termasuklah kawasan litupan apa-apa bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan utama itu.”.

Pindaan peraturan 15

10. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dalam subperenggan (a)(ii), dengan menggantikan perkataan “empat puluh” dengan perkataan “lima puluh”; dan